

Headline	Pengkomersialan FRIM Inc lonjak teknologi berpotensi FRIM ke pasaran bernilai		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	21 Sep 2023	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	4	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 597
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,791



Pengkomersialan FRIM Inc lonjak teknologi berpotensi FRIM ke pasaran bernilai tinggi

KUALA LUMPUR: Usaha pengkomersialan FRIM Incorporated Sdn Bhd (FRIM Inc) melalui pelbagai produk berasaskan sumber semula jadi dan perhutanan, akan melonjakkan secara strategik teknologi berpotensi yang dimiliki Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ke pasaran bernilai tinggi.

FRIM dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan ini sekali gus akan menjadi pemangkin kepada aktiviti inovasi dan komersialisasi serta menjana pulangan untuk mendukung masa depan penyelidikan, pembangunan, komersialisasi dan aplikasi (R&D, C&A), institusi itu.

Menurut kenyataan itu, FRIM Inc yang ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 menjana pendapatan melalui penghasilan produk-produk berasaskan sumber semula jadi dan perhutanan, penawaran khidmat pakar teknikal berkaitan bidang perhutanan, penyediaan latihan dan kursus teknikal serta aktiviti pemindahan teknologi secara perlesenan kepada industri berkaitan.

“FRIM Inc juga memainkan peranannya dalam menambah kapasiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan menggalakkan

pengkomersialan hasil-hasil inovasi, seperti produk-produk kayu dan formulasi berasaskan ekstrak tumbuhan.

Selain itu, ia melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi berasaskan kepakaran yang boleh diaplikasikan kepada pelanggan, iaitu melibatkan penyediaan khidmat perundingan berkaitan industri perhutanan kepada agensi kerajaan, swasta dan individu,” menurut kenyataan itu.

FRIM berkata kursus latihan yang ditawarkan pula bersifat pengkhususan dan berkemampuan untuk melengkapkan dan memantapkan program modal insan sesebuah organisasi yang memberi fokus ke arah pembangunan sektor perhutanan, pengurusan dan hasil keluaran hutan.

Bagi penjualan produk dan teknologi hasil daripada R&D pula, FRIM menyatakan beberapa syarikat telah menunjukkan minat untuk mendapatkan teknologi dengan sebahagian daripada mereka telah menandatangani perjanjian pengkomersialan melalui kaedah pelesenan.

Menurut FRIM, ini termasuk pengkomersialan R&D terhadap ekstrak Kacip

Fatimah dan Tongkat Ali yang memiliki potensi khasiat kesihatan yang tinggi serta produk-produk kayu.

Di samping peranannya dalam menggalakkan inovasi dan teknologi, FRIM Inc juga menjalankan program penanaman pokok bersama Affin Group di Stesen Penyelidikan FRIM, Selandar Melaka bagi penghijauan kawasan Stesen Penyelidikan FRIM.

Kenyataan itu menyebut, sebanyak 500 anak pokok dari enam spesies berbeza telah ditanam dalam program itu bagi meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain sebagai usaha menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara.

“Jualan anak pokok juga merupakan perniagaan yang dijalankan oleh FRIM Inc. Pelbagai spesies pokok hutan, pokok hiasan serta buah nadi boleh diperolehi daripada syarikat. Kelebihan FRIM Inc berbanding nurseri lain adalah syarikat mengeluarkan sijil pendaftaran anak pokok yang akan memberikan maklumat bahan tanaman yang dibekalkan dan dijamin kesahihannya,” katanya. — Bernama